

Mun Yee tak pandang rendah saingan AUG

KUALA LUMPUR - Penerjun veteran negara, Leong Mun Yee tidak sabar kembali ke platform terjun untuk beraksi buat kali pertama sejak Olimpik London apabila dia bakal membuat kemunculan semula pada Sukan Universiti Asean (AUG) ke-16 di Laos, 12-20 Disember ini.

Penerjun kelahiran Ipoh itu yang mendapat penghormatan untuk menjadi pembawa bendera kontinen, bakal turun dalam acara 10 meter individu.

Di atas kertas, penerjun bertaraf dunia seperti Mun Yee patut mampu menujuarainya secara mudah di sebalik ketiadaan rakan sepasukan Pandelela Rinong yang disahkan menarik diri semalam kerana perlu menghadiri majlis rasmi.

Mun Yee, yang menyambut hari lahir ke-28 kelmarin, bagaimanapun enggan terlalu yakin dengan peluangnya pada temasya dwi-tahunan itu memandangkan dia tidak lagi berlatih intensif seperti dahulu kerana memberi lebih tumpuan ke-

pada pengajiannya.

"Pastinya tidak mudah, saya pun tidak tahu siapakah pesaing kami di samping baru pulih dari pada kecederaan. Selepas Olimpik saya telah memperlakukan sedikit rutin latihan sehari-hari, bukan se-penuh masa lagi kerana perlu menghadiri kelas."

"Memang sudah menjadi keutamaan saya untuk mahu menamatkan pengajian selepas berakhirnya Olimpik, namun pada masa sama meneruskan karier saya sebagai penerjun."

"Saya masih bercita-cita untuk beraksi di Olimpik Rio, sekiranya keadaan mengizinkan pada masa itu," kata penuntut jurusan Komunikasi di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) itu.

Sama ada dapat merealisasikan impiannya empat tahun datang itu, Mun Yee sudahpun mencipta sejarah sebagai atlet wanita pertama negara

yang membuat penampilan terbanyak di pentas sukan terbesar dunia tersebut iaitu sebanyak empat kali.

Mun Yee yang membuat penampilan sulung di Sydney 2000, turut merupakan atlet kedua Malaysia selepas bekas jaguh pelayar Kevin Lim untuk melakar pencapaian seumpama.

Ditanya mengenai doa hari jadinya, kata Mun Yee: "Usia semakin lanjut dari tahun ke tahun, semoga kebijaksanaan saya juga berkembang seiring usia saya."

Untuk AUG, kontinen Malaysia turut mempertaruhkan barisan mahasiswa-mahasiswi berstatus Olimpian termasuk Bryan Nickson Lo-

mas, Cheong Jun Hoong dan Wendy Ng Yan Yee dalam harapan untuk menyapu bersih kesemua enam pingat emas yang dipertandingkan dalam sukan terjun.

Acara yang menjadi rebutan ialah 1m dan 3m papan anjal serta 10m platform individu. Tiada acara seirama dipertandingkan.



16th ASEAN UNIVERSITY GAMES
Vientiane Laos 2012



LEONG MUN YEE